

Notis pengosongan *tidak adil*

Noh sifatkan tindakan itu berbaur permainan politik cetek kerajaan negeri

TANJONG KARANG - Jumpa di mahkamah! Demikian respons balas Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berhubung notis pengosongan terhadap pejabat KPKT di PPR Lembah Subang 1.

Menurutnya, pihaknya akan mengambil tindakan 'counter claim' terhadap Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang bakal mengambil tindakan meruntuhkan pejabat yang dibangunkan KPKT melalui notis bertarikh 17 Julai lalu.

"Tindakan notis pengosongan itu disifatkan tidak adil dan lebih berbaur permainan politik cetek kerajaan negeri terhadap kementerian sedangkan ada bangunan pejabat milik MBPJ bersebelahan tapi kenapa perlu dirobohkan pejabat KPKT?"

"KPKT sebelum ini menggunakan satu lot rumah yang diubah suai menjadi pejabat untuk kemudah-

an penghuni bagi urusan berkaitan namun yang dikesalkan, pejabat yang sudah tujuh bulan siap dibina itu mahu dirobohkan atas alasan tak munasabah.

"Kenapa notis dikeluarkan selepas pejabat siap? Mungkin ini arahan kerajaan negeri dan kalau kerajaan negeri peka hal ini, sepatutnya masa tengah ubah suai tu bagi notis dan sebelah pejabat KPKT boleh pula buat pejabat MBPJ?," soalnya.

Noh yang juga Pengerusi BN Selangor itu menyifatkan pemikiran cetek kerajaan negeri yang menidakkan hak rakyat dan salah guna kuasa 'mengenakan' kementerian yang cuba membantu penghuni PPR Lembah Subang 1 yang jelas dipinggirkan.

"Rakyat kena buka mata dan lihat permainan politik kerajaan negeri yang ternyata menyusahkan rakyat. Pejabat KPKT dibina untuk rakyat



Noh (dua, kanan) menunjukkan notis pengosongan terhadap pejabat KPKT di PPR Lembah Subang 1.

tapi mahu dirobohkan sedangkan tanah itu adalah milik KPKT dan bangunan juga milik KPKT.

"Yang bezanya hanya bila dah siap, kita serahkan kepada kerajaan

negeri untuk menyelenggara harta KPKT ini dan sewa pun kita tak ambil...tapi bila rosak tak diselenggara dan penghuni merungut sebab kebajikan mereka tak terbelas, kita am-

bil balik.

"Walaupun kerajaan negeri kononnya nak tuntutan RM80 juta, kita pun boleh tuntutan perkara sama. Sampai bila kita tanggung kos sedangkan sewa mereka ambil? Tiada pulangan pun kepada KPKT sepanjang ditadbir kerajaan negeri.

"Sepatutnya kerajaan negeri berterima kasih sebab kita bantu...kalau nak uruskan PPR Lembah Subang 1 ni satu beban, patut kerajaan negeri senang hati nak serahkan semula kepada KPKT tapi saya lihat mereka masih tak berpuas hati.

"Ni soal kebajikan rakyat...sebab tu kena ambil balik PPR ni tapi kerajaan negeri masih tak puas hati dan mengenakan pelbagai taktik kotor termasuk notis pengosongan ini," katanya pada sidang media sempena Lawatan Kerja KPKT ke Taman Sungai Yu Indah, semalam.